



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA

GARIS PANDUAN GERAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN SSM NO. 1 TAHUN 2026

15 JANUARI 2026

KANDUNGAN

1.	TUJUAN	2
2.	SKOP PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN	2
3.	KELAYAKAN PEMOHON	3
4.	SYARAT DAN TEMPOH GERAN	3
5.	TATACARA PERMOHONAN	4
6.	KRITERIA PENILAIAN DAN SKOR MATRIKS	4
7.	PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN	5
8.	PENGURUSAN DANA DAN PERBELANJAAN	7
9.	PEMANTAUAN DAN LAPORAN	8
10.	INTEGRITI DAN ETIKA PENYELIDIKAN	9
11.	HAK MILIK HARTA INTELEK DAN PENERBITAN	10
12.	KEBENARAN PENGGUNAAN LOGO SSM	11
13.	DATA KORPORAT SSM	11
14.	PENAMATAN DAN PELAPORAN	11
15.	PINDAAN DAN PENAMBAHBAIKAN	11
16.	PENUTUP	12
17.	PERTANYAAN	12
	CARTA ALIR PERMOHONAN	13
	CARTA ALIR PEMANTAUAN	14
	CARTA ALIR PERMOHONAN PERUBAHAN	15

1. TUJUAN

- 1.1. Garis Panduan Geran Penyelidikan dan Pembangunan (Garis Panduan R&D) ini adalah panduan bagi memastikan projek penyelidikan yang dibiayai melalui geran ini dilaksanakan secara berkesan, berintegriti dan sejajar dengan Teras Strategik Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 1.2. Tujuan utama geran ini adalah untuk menggalakkan pelaksanaan penyelidikan yang memberikan impak langsung terhadap:
 - (a) Penambahbaikan dasar dan rangka kerja pengawalseliaan SSM;
 - (b) Meningkatkan tahap pematuhan dalam kalangan syarikat, perniagaan dan Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT);
 - (c) Memperkukuh kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan SSM; dan
 - (d) Menggalakkan kerjasama antara akademik, sektor swasta dan SSM.

2. SKOP PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

- 2.1 Penyelidikan di bawah geran ini hendaklah meliputi bidang keutamaan penyelidikan dan pembangunan yang berkaitan dengan kuasa dan fungsi SSM namun tidak terhad kepada:
 - (a) Meningkatkan tadbir urus korporat syarikat, perniagaan dan PLT;
 - (b) Meningkatkan kepatuhan undang-undang dan amalan terbaik syarikat, perniagaan dan PLT;
 - (c) Memperkukuh amalan perakaunan, audit dan pelaporan kewangan;
 - (d) Memperkukuh amalan intermediari korporat, pengauditan dan pembubaran entiti korporat;
 - (e) Transformasi digital syarikat, perniagaan dan PLT;
 - (f) Keusahawanan, pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) serta ekonomi gig;
 - (g) Kajian dasar bagi memperkukuhkan perundangan berkaitan bidang kuasa SSM;

- (h) Menambah baik produk, perkhidmatan dan penyampaian perkhidmatan SSM; dan
- (i) Lain-lain bidang yang diputuskan bersesuaian untuk dilaksanakan.

3. KELAYAKAN PEMOHON

3.1 Geran ini terbuka kepada organisasi dan individu seperti berikut:

- (a) Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA);
- (b) Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS);
- (c) Kementerian-Kementerian, agensi-agensi kerajaan, badan-badan berkanun, Syarikat Pelaburan Berkaitan (GLIC), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC);
- (d) Sektor swasta;
- (e) Warga kerja SSM;
- (f) Kolaborasi antara institusi dan kerjasama rentas sektor amat digalakkan untuk memperkukuh kualiti penyelidikan dan pemindahan pengetahuan serta teknologi; dan
- (g) Jemputan daripada SSM untuk melaksanakan penyelidikan.

3.2 Ketua penyelidik bagi setiap kajian yang dicadangkan hendaklah berstatus warganegara Malaysia. Bagi entiti selain IPTA dan IPTS, organisasi yang memohon hendaklah ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Malaysia, termasuk tetapi tidak terhad kepada Akta Syarikat 2016, Akta Koperasi 1993, Akta Pertubuhan 1966 atau perundangan berkaitan agensi dan badan berkanun kerajaan. Manakala warga kerja SSM pula, pemohon perlulah berstatus tetap atau kontrak.

4. SYARAT DAN TEMPOH GERAN

4.1 Tempoh penyelidikan adalah di antara satu (1) hingga 12 bulan dengan siling pembiayaan maksimum sebanyak RM100,000 bagi setiap projek penyelidikan.

5. TATACARA PERMOHONAN

- 5.1 Permohonan Geran ini akan dibuka melalui hebahan rasmi dan iklan permohonan Kertas Konsep akan dikeluarkan oleh SSM dalam tempoh masa yang ditetapkan. Hebahan ini akan dibuat melalui saluran komunikasi rasmi seperti laman sesawang, media sosial dan edaran kepada institusi serta agensi yang berkaitan melalui e-mel.
- 5.2 Bagi permohonan daripada warga kerja dan jemputan SSM, pemohon boleh menghantar permohonan mengikut keperluan kepada Urus Setia Geran Penyelidikan dan Pembangunan SSM (urus setia).
- 5.3 Permohonan geran hendaklah dikemukakan melalui portal rasmi SSM. Setiap pemohon perlu mengemukakan kertas cadangan penyelidikan yang lengkap mengikut format yang ditetapkan oleh SSM.
- 5.4 Setelah permohonan lengkap, urus setia akan memulakan proses penilaian melalui Jawatankuasa Penilaian Geran Penyelidikan dan Pembangunan (JNGP) SSM. Cadangan yang disyorkan oleh JNGP akan dikemukakan kepada Mesyuarat Pengurusan untuk pertimbangan dan kelulusan akhir. Setelah diluluskan, surat tawaran atau penolakan akan dikeluarkan.

6. KRITERIA PENILAIAN DAN SKOR MATRIKS

- 6.1 Penilaian terhadap setiap permohonan geran akan dijalankan secara menyeluruh berdasarkan beberapa kriteria utama. Penilaian ini akan dijalankan oleh JNGP menggunakan borang penilaian berwajaran (*weighted scoring matrix*) bagi menjamin ketelusan SS dan keseragaman keputusan seperti berikut:

KRITERIA PENILAIAN	PERINCIAN PENILAIAN	PERATUSAN WAJARAN (%)
Kesesuaian dan Penjajaran	Menilai tahap penjajaran cadangan penyelidikan dengan Teras Strategik SSM, dasar penyelidikan kebangsaan serta keperluan semasa sektor korporat dan perniagaan.	25

KRITERIA PENILAIAN	PERINCIAN PENILAIAN	PERATUSAN WAJARAN (%)
Kualiti Saintifik dan Merit Teknikal	Menilai keaslian dan kebolehupayaan metodologi penyelidikan, termasuk reka bentuk kajian, strategi pelaksanaan dan keberkesanan pendekatan saintifik.	20
Hasil dan Impak yang Diharapkan	Menilai potensi hasil penyelidikan terhadap dasar dan operasi SSM, amalan industri serta kebolehgunaan, pengkomersialan dan kebolehskalaan hasil penyelidikan.	20
Keupayaan dan Rekod Pencapaian Penyelidik	Menilai kelayakan akademik, kepakaran dan pengalaman penyelidik utama, rekod pencapaian penyelidikan terdahulu serta bukti kolaborasi dan keupayaan melaksanakan projek secara berkesan.	10
Justifikasi Bajet dan Keberkesanan Kos	Menilai rasional dan kesesuaian perbelanjaan dengan aktiviti penyelidikan, penggunaan dana yang berhemah, sumbangan bersama (<i>co-funding</i>) dan nilai bagi wang (<i>value for money</i>).	10
Pematuhan Etika dan Peraturan	Menilai tahap pematuhan terhadap garis panduan etika penyelidikan, keselamatan data dan maklumat, serta keperluan perundangan dan peraturan semasa.	5
Penilaian Risiko dan Strategi Mitigasi	Menilai kebolehan penyelidik mengenal pasti dan mengurus risiko, kewangan dan operasi serta merangka strategi mitigasi yang praktikal.	5
Jalinan Strategik dan Penglibatan Industri	Menilai tahap penglibatan pihak industri, komuniti atau agensi kerajaan dalam penyelidikan, termasuk bentuk kerjasama, perkongsian data, kepakaran dan sumbangan bersama (<i>co-funding</i>).	5
JUMLAH KESELURUHAN		100

6.2 Penilaian akan dilaksanakan secara kuantitatif dan kualitatif menggunakan borang skor berwajaran (*weighted scoring matrix*). Permohonan yang mencapai skor minimum 80% dan memenuhi syarat kelayakan asas akan disyor untuk diluluskan oleh SSM.

7. PENGURUSAN PROJEK PENYELIDIKAN

7.1 Permohonan Perubahan Skop

- (a) Sebarang permohonan bagi perubahan skop atau objektif penyelidikan hendaklah dikemukakan kepada urus setia untuk pertimbangan dan kelulusan SSM dalam tempoh empat (4) bulan pertama daripada tarikh mula projek penyelidikan atau separuh daripada tempoh keseluruhan projek, mengikut mana-mana yang terdahulu.
- (b) Ketua penyelidik perlu mengemukakan permohonan yang lengkap kepada urus setia, merangkumi justifikasi dan keperluan pindaan berserta dokumen sokongan yang berkaitan. Justifikasi yang kukuh perlu dinyatakan secara terperinci termasuklah sekiranya melibatkan perubahan kos atau lain-lain perubahan.

7.2 Permohonan Perubahan Tempoh Penyelidikan

- (a) Ketua penyelidik perlu memastikan projek penyelidikan dilaksanakan mengikut perancangan dan mencapai sasaran output yang telah diluluskan berdasarkan Kertas Konsep.
- (b) Sekiranya ketua penyelidik memerlukan pelanjutan tempoh penyelidikan bagi meneruskan kelangsungan projek tersebut, ketua penyelidik perlu mengemukakan permohonan yang lengkap, merangkumi justifikasi kukuh dan keperluan pelanjutan tempoh berserta dokumen sokongan yang berkaitan untuk pertimbangan serta kelulusan SSM. Jumlah maksimum pelanjutan masa yang boleh dipertimbangkan adalah dua (2) kali sepanjang tempoh projek, maksimum tiga (3) bulan bagi setiap permohonan.
- (c) Permohonan perlu dimohon oleh ketua penyelidik sekurang-kurangnya dalam tempoh satu (1) bulan sebelum tarikh tamat tempoh penyelidikan yang telah diluluskan.

7.3 Dokumen dan Ikatan Perjanjian

- (a) Ikatan perjanjian adalah antara SSM dan penerima geran bagi memastikan projek penyelidikan yang dilaksanakan mengikut terma dan syarat yang telah ditetapkan dan seterusnya dapat menjaga kepentingan kedua-dua pihak.
- (b) Penyediaan ikatan perjanjian ini adalah di bawah tanggungjawab penerima geran dan akan disemak oleh Bahagian Pembangunan dan Perkhidmatan Perundangan SSM sebelum dimuktamadkan.

8. PENGURUSAN DANA DAN PERBELANJAAN

- 8.1 Geran ini hendaklah digunakan hanya untuk tujuan yang diluluskan seperti perbelanjaan bahan penyelidikan, elaun penyelidik sambilan, enumerator, pembantu penyelidik, perkhidmatan profesional, penerbitan hasil penyelidikan, percetakan, kos ujian lapangan, yuran pendaftaran hak cipta atau harta intelek, pembelian aset kekal serta perjalanan rasmi dalam negara yang berkaitan dengan projek penyelidikan. Pembelian kenderaan atau pembayaran gaji tetap tidak dibenarkan. Institusi penerima adalah bertanggungjawab untuk memastikan semua perbelanjaan mematuhi peraturan kewangan yang ditetapkan SSM dan audit boleh dijalankan pada bila-bila masa.
- 8.2 Bagi pembelian aset kekal, sebarang permohonan untuk mengguna pakai geran ini bagi tujuan tersebut perlu dikemukakan kepada urus setia untuk pertimbangan dan kelulusan SSM.
- 8.3 Geran ini hendaklah dibayar terus kepada institusi atau individu yang diluluskan sebagai pemohon geran dan tidak boleh disalurkan kepada mana-mana pihak ketiga dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran bertulis daripada SSM. Ketetapan ini adalah bagi menjamin ketelusan, akauntabiliti serta mengelakkan salah guna dana penyelidikan.

- 8.4 Pembayaran geran akan dibuat secara berfasa berdasarkan cadangan carta perbatuan yang dikemukakan oleh pemohon dan tertakluk kepada kelulusan SSM. Bagi pelepasan dana fasa satu (1), dana adalah terhad kepada maksimum 40% untuk *kick-off* penyelidikan manakala pelepasan dana seterusnya adalah tertakluk kepada carta perbatuan yang dikemukakan ketika permohonan. Manakala baki 30% akan dibayar setelah laporan akhir dan hasil penyelidikan disahkan oleh SSM. Pembayaran geran untuk kali pertama akan diberikan setelah surat setuju terima dikeluarkan.
- 8.5 Penyelidik dan urus setia boleh membuat tuntutan pembayaran melalui platform *i-Fast e-invoice* SSM.

9. PEMANTAUAN DAN LAPORAN

- 9.1 Ketua penyelidik bertanggungjawab memastikan projek dijalankan mengikut jadual yang diluluskan. Penghantaran laporan prestasi bagi projek berdurasi satu (1) tahun dilaksanakan sekurang-kurangnya setiap enam (6) bulan, manakala penghantaran laporan prestasi bagi projek kurang daripada satu (1) tahun dilaksanakan mengikut kesesuaian seperti di dalam carta perbatuan permohonan kepada urus setia bagi menilai tahap pencapaian projek. Laporan akhir hendaklah dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat tempoh projek.
- 9.2 Pemantauan geran ini melihat kepada aspek seperti berikut:
- (a) Prestasi projek; dan
 - (b) Prestasi kewangan
- 9.3 SSM berhak melakukan lawatan pemantauan atau penilaian lapangan bagi memastikan penyelidikan dilaksanakan mengikut piawaian yang ditetapkan. Pemantauan tidak berjadual ini akan dilaksanakan mengikut ketetapan dan keperluan.
- 9.4 Laporan Prestasi dan Kewangan bagi projek penyelidikan yang diluluskan haruslah merangkumi:
- (a) Kemajuan aktiviti/ carta perbatuan;
 - (b) Prestasi kewangan;

- (c) Keberhasilan penyelidikan;
- (d) Kekangan (sekiranya ada) beserta cadangan; dan
- (e) Pengurusan risiko.

9.5 Laporan Akhir yang perlu dikemukakan dalam tempoh satu (1) bulan selepas tamat tempoh projek penyelidikan haruslah merangkumi:

- (a) Laporan Akhir keseluruhan projek penyelidikan (mengikut kesesuaian);
- (b) Laporan berbentuk tesis (mengikut kesesuaian seperti kajian, metodologi dan lain-lain);
- (c) Infografik hasil penyelidikan;
- (d) Video penyelidikan berdurasi kurang daripada tiga (3) minit;
- (e) Artikel dalam jurnal terindeks (sekiranya dipersetujui);
- (f) Lain-lain penerbitan yang dipersetujui (contohnya kertas polisi, laporan teknikal, artikel di dalam media cetak dan elektronik dan lain-lain);
- (g) Prototaip (sekiranya dipersetujui);
- (h) Harta Intelek (sekiranya dipersetujui); dan
- (i) Perkara-perkara lain seperti yang ditentukan oleh SSM.

10. INTEGRITI DAN ETIKA PENYELIDIKAN

10.1 Penyelidikan beretika mesti diamalkan bagi menghasilkan penyelidikan yang asli dan berkualiti. Penyelidikan perlu berpandukan kepada budaya penyelidikan yang baik seperti berikut:

- (a) Menjalankan penyelidikan secara jujur dan berintegriti (termasuk mengelakkan *conflict of interest*);
- (b) Menghormati subjek penyelidikan (manusia, haiwan, persekitaran) yang digunakan;
- (c) Menggunakan dana secara berhemah; dan
- (d) Mengiktiraf peranan dan sumbangan semua pihak yang terlibat dalam penyelidikan.

10.2 Salah laku dalam penyelidikan yang mesti dielakkan adalah seperti berikut:

- (a) Melaporkan dapatan kajian secara tidak jujur termasuk mereka-reka data, mengubah suai data, kecuai dalam

- pengumpulan dan analisa data, melaporkan sebahagian dapatan dan memanipulasi data bagi tujuan penipuan;
- (b) Memalsukan dan menyeleweng penyelidikan termasuk kemajuan penyelidikan, membuat kenyataan yang keterlaluan dan mengetepikan laporan kajian terdahulu;
 - (c) Menyalahgunakan dana penyelidikan atau tidak mengikut tatacara perolehan dan kewangan yang telah ditetapkan;
 - (d) Menyalahgunakan data dan dapatan penyelidikan untuk tujuan negatif; dan
 - (e) Memplagiat hasil kerja orang lain, mengambil tanpa izin keputusan dan kaedah penyelidik lain, mengabaikan sumbangan signifikan penyelidik lain atau meniru penulisan penyelidik lain tanpa memberi penghargaan.
- 10.3 Pihak penyelidik juga perlu mematuhi perkara-perkara yang telah dinyatakan dalam *Malaysia Code of Responsible Conduct in Research* (MCRCR) seperti di pautan <http://www.might.org.my/download/the-malaysian-code-of-responsible-conduct-in-research/>. MCRCR ialah kod etika kebangsaan yang menggariskan prinsip, nilai dan tanggungjawab penyelidik bagi memastikan semua aktiviti penyelidikan di Malaysia dijalankan secara berintegriti, telus dan bertanggungjawab. Kod ini diterbitkan oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) bersama Akademi Sains Malaysia (ASM) dan *Malaysian Industry-Government Group for High Technology* (MIGHT).

11. HAK MILIK HARTA INTELEK DAN PENERBITAN

- 11.1 Sebarang hasil penyelidikan termasuk data, laporan, model, perisian atau inovasi yang dihasilkan melalui geran ini adalah hak milik bersama antara SSM dan institusi penyelidik.
- 11.2 Sekiranya hasil penyelidikan berpotensi untuk dikomersilkan, SSM dan pihak institusi akan menetapkan terma pembahagian hasil mengikut perjanjian bersama.
- 11.3 Semua penerbitan atau pembentangan yang menggunakan dana geran ini hendaklah mendapat kebenaran bertulis

daripada SSM serta mengiktiraf pembiayaan SSM dalam setiap penerbitan.

12. KEBENARAN PENGGUNAAN LOGO SSM

- 12.1 Penyelidik yang diluluskan dibenarkan menggunakan logo rasmi SSM pada semua bahan, laporan dan penerbitan yang dihasilkan sepanjang pelaksanaan penyelidikan. Penggunaan logo hendaklah dilakukan secara berhemah dan mematuhi piawaian penjenamaan rasmi SSM bagi menjaga imej dan integriti SSM.

13. DATA KORPORAT SSM

- 13.1 Penyelidik yang diluluskan dibenarkan untuk memohon data korporat SSM dan dikecualikan daripada kos tersebut. Jumlah ini adalah tidak termasuk dari jumlah geran R&D yang diluluskan SSM.
- 13.2 Penyelidik yang diluluskan boleh membuat permohonan mengikut tatacara yang telah ditetapkan oleh Bahagian Pemasaran dan Pembangunan Perniagaan SSM.

14. PENAMATAN DAN PELAPORAN

- 14.1 SSM berhak menamatkan sesuatu geran sekiranya berlaku ketidakpatuhan terhadap syarat-syarat geran, penyelewengan dana, kelewatan tanpa justifikasi munasabah atau kegagalan mencapai objektif penyelidikan. Laporan akhir wajib dikemukakan walaupun projek ditamatkan lebih awal bagi tujuan pelaporan dan dokumentasi rasmi.

15. PINDAAN DAN PENAMBAHBAIKAN

- 15.1 Ketua Pegawai Eksekutif SSM boleh meluluskan sebarang cadangan oleh urus setia untuk meminda, menambah baik atau menyemak semula mana-mana peruntukan dalam Garis Panduan R&D ini dari semasa ke semasa mengikut kepada keperluan SSM.


16. PENUTUP

- 16.1 Garis Panduan R&D ini adalah rujukan utama kepada semua pemohon dalam melaksanakan penyelidikan yang berimpak tinggi, beretika serta sejajar dengan keperluan semasa negara. Pelaksanaan geran ini adalah selaras dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah seksyen 17 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614) yang memberi mandat kepada SSM untuk menjalankan penyelidikan dan mengarahkan kajian berkaitan aktiviti perniagaan serta korporat di Malaysia.
- 16.2 Melalui pelaksanaan geran ini, SSM komited untuk memperkukuh tadbir urus korporat, meningkatkan ketelusan dan pematuhan dalam kalangan entiti perniagaan, serta menyokong pembangunan sektor korporat negara secara mampan. Usaha ini bukan sahaja memberi nilai tambah kepada pembuat dasar, industri dan masyarakat, malah turut menyumbang secara langsung kepada kemajuan ekonomi, peningkatan daya saing dan kesejahteraan negara keseluruhannya.


17. PERTANYAAN

- 17.1 Sebarang pertanyaan mengenai Garis Panduan R&D ini boleh dikemukakan ke e-mel rndfund@ssm.com.my.

CARTA ALIR PERMOHONAN



CARTA ALIR PEMANTAUAN



CARTA ALIR PERMOHONAN PERUBAHAN

